



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 4

RABU 26HB JANUARI, 1983.

رابو 11 ربيع الاخير 1403

PERCUMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada pagi Ahad, 23hb Januari lalu, telah berangkat merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran Pertubuhan WI Brunei bertempat di Dewan Raya Radio Talvisyen di sini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ke majlis itu telah diiringi bersama oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna.

Pengerusi Pertandingan, Dayang Hajjah Marhani Abdul Latif berkata keberangkatan Baginda dan Kerabat-Kerabat Diraja ke majlis itu merupakan daya penggalak pada usaha-usaha berkebakikan kaum wanita sebagai sumbangan

DI DALAM

- ★ **KERJAYA** Polis bidang profesion yang berpotensi — muka 2
- ★ **DERMA** terbesar pernah diterima untuk Tabung Anak-anak Yatim — muka 3
- ★ **JUDI**: Elakkan sebelum ketagih — muka 5
- ★ **USAHASAMA** Kerajaan-Shell majukan rakyat — muka 7
- ★ **KEJOHANAN POLO**: Pasukan DYMM mantap, tangkas dan berkeupayaan — muka 12

RAJA ISTERI RASMIKAN MUSABAQAH AL-QURAN W.I

Oleh: AISAH PIEE

mereka terhadap kemajuan bangsa dan negara.

Pertandingan tersebut adalah buat kali ketiga sempena menyambut Tahun Hijrah 1403, yang mana kali ini memegang tema 'Amalan Membaca Al-Quran Cara Hidup Wanita Beriman'.

Dayang Hajjah Marhani seterusnya berkata membaca Al-Quran adalah sangat perlu di zaman sains dan teknologi sekarang, di mana ramai yang mencari ketenangan hidup dalam keadaan dunia hari ini.

"Dan membaca Al-Quran juga dapat menghindarkan diri dari masalah-masalah keruntuhan moral dan pengaruh-pengaruhnya. Kearah matlamat inilah Pertubuhan WI meng-

adakan pertandingan ini setiap tahun bagi menggalakkan kita mengamalkan membaca Al-Quran sebagai sebahagian dari hidup sehari-hari," jelas-nya.

Lima orang peserta dari Pertubuhan WI seluruh negeri telah mengambil bahagian. Johan pertandingan tahun ini telah disandang oleh Dayang Rozimah bte Begawan Pehin

Lihat muka 20

Manisnya Iman

"HENDAKLAH kamu saling berjabat tangan kerana ia menghilangkan rasa walang dari hati kamu."—Hadis Nabi riwayat Ibnu 'Adie daripada Ibnu 'Umar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menyampaikan piala pusingan yang di korniakan oleh Baginda kepada johan pertandingan, Dayang Rozimah bte Begawan Pehin Khatib Haji Awang Siraj.

Menjamin kemakmuran dan keamanan:

TUGAS KITA SAMA2 MEMPASTIKAN

Oleh: Muhaimin Haji Muhammad

JALAN MUARA. — YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan, Dato Seri Setia Awg. Abd. Rahman menegaskan sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Diptuan Negeri Brunei kita setentunya mempunyai tugas masing-masing untuk sama-sama memastikan kemakmuran, keamanan, kejayaan dan kestabilan negeri ini akan sentiasa terjamin memandangkan negeri Brunei ketika ini di ambang pintu kemerdekaan.

Yang Berhormat itu yakin bertanggungjawab untuk mencapai matlamat yang berkebakikan itu bermula dengan tanggungjawab bagi mengwujudkan keamanan dan ketenteraman dalam negeri yang mana pasukan Polis Diraja Brunei memainkan peranan yang

paling utama.

Katanya, pekerjaan sebagai seorang anggota polis adalah satu profesion yang berpotensi dan dari itu adalah menguntungkan bagi anggota-anggota pasukan Polis Diraja Brunei yang berkebolehan supaya diberi perangsang dan peluang untuk meningkatkan lagi mutu akademik mereka dan janganlah pasukan-pasukan keselamatan itu hanya dianggap sebagai

satu pilihan kerja yang terakhir setelah gagal mendapatkan yang lain.

YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman berucap demikian selaku tetamu kehormat upacara perbarisan tamat latihan bagi rekrut-rekrut polis lelaki dan wanita semai 63 orang bertempat di Padang Pusat Latihan

Lihat muka 20

Ceramah khas utk. wanita

BERAKAS. — Satu Ceramah Khas berhubung dengan kaum wanita bagi pegawai-pegawai dan kakitangan wanita Jabatan Pelajaran akan diadakan esok, 27hb Januari jam 4.00 petang di Bangunan Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama di sini.

Ceramah khas itu akan disampaikan oleh Timbalan Kadi Besar, Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Ianya juga merupakan rancangan pertama jabatan itu pada langkah mengadakan Ceramah atau Kuliah-Kuliah Ugama dan Sivik serta Kelas-Kelas Zikir bagi pegawai-pegawai dan kakitangannya. — AP.



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan lain-lain Kerabat Diraja dialu-alukan oleh ahli-ahli Perkumpulan Perempuan Brunei.



26HB. JANUARI, 1983.

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

Pengaruh dan suasana ugama:

LAPURAN AKHBAR LUAR NEGERI YANG MUNGKIN ADA MOTIF TERTENTU

Hasrat dan cita-cita keugamaan negeri ini boleh dikatakan telah diketahui umum. Dengan sifatnya sebagai sebuah keSultanan Islam sejak zaman berzaman maka unsur dan nilai Islam memanglah berpengaruh ke atas Kerajaan dan rakyatnya.

Bagi kita di negeri ini pengaruh serta suasana kelslaman itu tidaklah anih apa lagi untuk

menimbulkan sebarang kewalangan di kalangan orang-orang yang bukan Islam. Sejarah kita yang panjang menjadi bukti betapa semua lapisan rakyat dan penduduk telah menjalani kehidupan biasa dengan aman dan sempurna di bawah pemerintahan raja dan kerajaan Islam Brunei sejak zaman berzaman.

Tetapi kedudukan kita yang sedemikian itu nampaknya telah tidak difahami dengan baik oleh setengah-setengah pihak di luar negeri. Hasrat dan cita-cita terhadap Islam yang dijelaskan menerusi titah dan ucapan pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan telah dilihat sebagai perkara yang baharu bagi Brunei, lalu dikatakan bahawa menjelang kemerdekaannya, negeri ini kononnya telah menampakkan sikap yang radikal. Sebuah akhbar di London telah menyiarkan laporan wakilnya di Singapura yang mengulas mengenai apa yang dinamakannya sebagai sikap baru Brunei yang radikal. Dari kandungan laporan tersebut kita dapat mengesan bahawa apa yang disebut sebagai 'new radicalism' Brunei itu dipertalikan dengan hasrat dan cita-cita Kerajaan dalam meningkatkan serta meluaskan amalan keugamaan.

Dan oleh kerana kedudukan itu tidak difahami dengan baik oleh orang luar maka ia telah dilapurkan secara keliru tetapi akan mudah diterima ramai di luar negeri itu.

Manakala Brunei disebut-sebut sebagai bersikap radikal yang dihubungkan dengan kelslaman-nya sedang sebutan-sebutan sedemikian dalam konteks suasana politik dan fahaman antarabangsa dewasa ini terutama sekali di negara-negara Barat dan Eropah yang memang sedia terkeliru berhubung dengan kebangkitan semula negara-negara Islam dalam dekad-dekad terakhir ini maka kita merasakan seolah-olah ada semacam motif tertentu sedang di'promote' bagi mempengaruhi pendapat umum di luar negeri mengenai negeri ini. Kita tidak pasti sejauh mana nanti kesannya ke atas image antarabangsa kita, tetapi yang nyata ialah bahawa kita dan negeri kita sedang menghadapi berbagai-bagai cabaran dalam kita mula mendapat perhatian di peringkat antarabangsa sekarang ini.

Dan seperti juga kebanyakan negara lain tidak berupaya mempengaruhi pendapat umum di luar negeri maka kita akan lebih banyak tinggal menatap dan

meneliti sejauh mana perhatian yang diberikan kepada kita dan negeri kita oleh media di luar negeri itu tepat dan ikhlas. Dalam hubungan lapuran yang disiarkan oleh sebuah akhbar London itu, diteliti dari cara maklumat yang didapatkannya, adalah sukar untuk diterima sebagai bersikap muhibbah sekalipun kita tidaklah mengharap simpati daripadanya. Kalau perhatiannya kepada cita-cita dan hasrat kelslaman kita itu bersifat muhibbah masakan ia lancang menyebutkan perkara-perkara yang belum pun pernah kita sebut-sebut dalam memajukan cita-cita dan hasrat kelslaman apa lagi sebutan itu dalam konteks yang seolah-olah memberi gambaran yang menakutkan orang-orang yang bukan Islam di luar dan di dalam negeri.

Sebenarnya memanglah tidak tepat untuk menjangkakan orang luar akan memberi perhatian yang tepat dan ikhlas dalam perkara-perkara yang mereka tidak dapat memahaminya dengan baik tetapi sekurang-kurangnya kita berhak mengharap kepada orang luar itu untuk bersikap muhibbah sebagaimana kita sentiasa mengikut asas perhubungan sedemikian itu.

ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Allah yang telah memerintah kita mengajak kearah keamanan. Selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w yang telah menggesa kita berusaha dengan penuh kesempurnaan.

Terlebih dahulu saya berterima kasih atas penghormatan yang di berikan kepada saya pada pagi ini untuk sama-sama beserta dengan para hadirin sekalian untuk menyaksikan upacara tamat latihan bagi rekrut-rekrut baru Pasukan Polis Diraja Brunei.

Saya tidak lupa juga memberikan sanjungan dan setinggi-tinggi tahniah kepada rekrut-rekrut baru yang telah pun buat beberapa ketika menjalani berbagai latihan dan tunjuk ajar, yang mana usaha yang gigih dari Tuan-tuan dan Puan-puan itu terbukti hasilnya pada hari ini.

Saya yakin bahawa Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian telah pun memilih satu bidang kerjaya, yang mana khidmatnya disanjung dan dipandang tinggi oleh semua lapisan masyarakat di negeri ini. Saya menaruh penuh harapan yang tumbuhnya satu kumpulan lagi rekrut-rekrut baru ke pasukan Polis Diraja Brunei ini akan menghampirkan lagi pasukan ini kepada pencapaian matlamat untuk menjadikan Pasukan Polis Diraja Brunei ini lebih cekap, lebih progressif dan berkesan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memberikan penghargaan kepada pihak yang berkenaan dalam Pasukan Polis Diraja

KERJAYA POLIS BIDANG PROFESION YANG BERPOTENSI



BERIKUT ialah ucapan Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib di upacara Perbarisan Tamat Latihan bagi rekrut-rekrut Polis Wanita 1/82 dan Lelaki 2/82 yang diadakan di Pusat Latihan Polis, Jalan Muara pada 20hb. Januari yang lalu.

kehendak negara sebenarnya.

Kesemua pihak-pihak yang melibatkan diri dengan belia-belia di negeri ini, samada secara langsung atau tidak, perlu menerangkan supaya mendekatkan lagi belia-belia di negeri ini dengan peranan dan tugas yang dimainkan oleh pasukan-pasukan keselamatan negeri ini, dan janganlah pasukan-pasukan keselamatan ini hanya dianggap sebagai satu pilihan kerjaya yang terakhir, setelah usaha-usaha lain gagal. Pekerjaan sebagai seorang anggota polis adalah sebagai satu profession yang ber-

potensi, dan dari itu adalah menguntungkan bagi anggota-anggota pasukan Polis Diraja Brunei yang telah berkebolehan supaya diberi perangsang dan peluang untuk meningkatkan lagi mutu akademik mereka.

DI AMBANG KEMERDEKAAN

Rekrut-rekrut baru serta sidang hadirin yang dihormati sekalian, kita semua sedar bahawa negeri kita yang dicintai ini, Brunei Darussalam, pada ketika ini adalah di ambang pintu kemerdekaannya. Sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia

ja Brunei yang tidak kenal jemu berusaha mengambil rekrut-rekrut baru, bagi menganggotai pasukan ini. Saya menyedari usaha ini bukanlah mudah dilaksanakan bagi sebuah negara yang sedang membangun dan mempunyai penduduk yang rendah bilangannya.

KEPENTINGAN KEPADA NEGARA


Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, di dalam ucapan-ucapan saya di beberapa upacara terutama yang berkaitan dengan belia, saya sentiasa menyentuh serta menerangkan peri mustahaknya bagi belia-belia di negeri ini untuk mempelopori bidang-

bidang kolar biru. Ini memanglah benar memandang negara kita yang masih berkurangan pekerja-pekerja di bidang teknikal, dan begitulah gambarannya untuk beberapa ketika di masa hadapan. Walau bagaimanapun, pasukan-pasukan keselamatan, yang mana Pasukan Polis adalah satu di antaranya, memang mempunyai kepentingan dan keutamaan yang tersendiri kepada negara. Usaha mestilah diteruskan untuk membesarkan lagi dan, pada waktu yang sama, mempercekapkan pasukan-pasukan keselamatan negeri ini selaras dengan

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, yang sudah setentunya masing-masing mempunyai tugas yang tersendiri untuk sama-sama memastikan kemakmuran, keamanan, kejayaan dan kestabilan negeri ini akan sentiasa terjamin. Tetapi, saya yakin yang tanggungjawab untuk mencapai matlamat-matlamat yang berkeabjikan ini bermula dengan tanggungjawab bagi mengujudkan keamanan dan ketenteraman dalam negeri yang mana pasukan keselamatan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei memainkan peranan yang paling utama.

Akhirnya, saya turut ingin mengucapkan tahniah kepada rekrut-rekrut yang akan menerima hadiah sebagai rekrut-rekrut terbaik di dalam beberapa bidang pelajaran akademik dan praktikal semasa latihan. Adalah mustahak supaya kelebihan pengetahuan dalam berbagai-bidang bermanfaat yang telah dicapai oleh seseorang anggota pasukan ini, dipraktikkan berasaskan semangat berpasukan atau 'team work performance'. Semangat seperti ini insya Allah akan menjadikan pasukan ini sebagai satu pasukan yang lebih dinamik dengan yang demikian akan tercapailah cita-cita Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamu alaikum warahmatullah wabarakatuh.



YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz dan Datin Hajjah Zahrah ialah tetamu kehormat dalam Majlis Jamuan Sempena Ulang Tahun Kelima Persatuan Kimia Brunei pada 5hb. Januari yang lalu.

Gambar atas kiri, kelihatan Yang Amat Berhormat ketika berucap di majlis tersebut. Sementara gambar kiri pula kelihatan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar diperkenalkan kepada salah seorang ahli profesional, Dr. Serudin bin D.S. Haji Tinggal oleh Yang Dipertua Persatuan Kimia, Awang Majid bin Haji Abd. Rahman.

Sebagai kenang-kenangan, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan Datin bergambar ramai dengan ahli-ahli Persatuan Kimia (gambar atas). Sementara gambar kanan kelihatan Yang Dipertua Persatuan Kimia, Awang Majid ketika menyampaikan ucapan alu-aluan di majlis tersebut. — Gambar-gambar ihsan Persatuan Kimia.



JKR anjur Seminar Konkrit kali ke 2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kerja Raya akan menganjurkan satu lagi seminar konkrit awal bulan depan. Seminar tersebut diadakan bagi menolong pemborong-pemborong bumiputera untuk mendapat bimbingan yang betul mengenai dengan konkrit.

Seminar sehari itu akan diadakan di Makmal Konkrit dan Tanah jabatan berkenaan di Jalan Berakas.

Seminar tersebut adalah terbuka kepada pemborong-pemborong bumiputera di seluruh negeri. Borang-borang untuk menyertai seminar tersebut boleh di perolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya di sini dan Pejabat Kerja Raya di Kuala Belait. Borang-borang yang telah di isikan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 31hb. Januari, 1983.

\$15 ribu didermakan kepada Tabung Anak Yatim

BERAKAS. — M/sales Motor Company sebuah syarikat menjual kereta yang baru berusia empat bulan telah menyumbangkan derma sebanyak \$15,000 kepada Tabung Anak-anak Yatim Negeri Brunei.

Derma tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi Syarikat itu, Dyg. Um-

mi Kalthum bte Abdullah kepada Pemangku Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Awg. Sidek bin Yahya, di satu majlis sengkak bertempat di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan di Berakas.

Penyampaian derma tersebut disaksikan bersama oleh Pengurus Besar syarikat itu Awg. Ibrahim

bin Hj. Ahmad, yang mana menurut beliau derma itu adalah hasil dari pertunjukan perdana "The Great Royal Circus" pada malam Sabtu 7hb. Januari lalu.

Pelita juga difahamkan derma ini adalah yang terbesar pernah disumbangkan kepada tabung itu setakat ini. — ZHS.



GAMBAR DAN ARTIKEL BORNEO BULLETIN DIJELASKAN

Gambar dan artikel Borneo Bulletin yang bertajuk 'Bothersome boar of Lumapas is no more' di muka surat 18 keluaran 8hb. Januari 1983 kini dijelaskan oleh pengirimnya Awang Abd Kassim bin Haji Sapar seperti berikut:

Pertama: Sebenarnya gambar "orang yang dianggap bertopi putih Haji" itu bukanlah seorang Haji atau orang Islam tetapi kedua-dua orang yang sedang memikul babi itu adalah orang-orang bukan Islam dan mereka bekerja sebagai penanam sayur di Kampung Lupak Luas.

Kedua: Mengenai keterangan terakhir dalam artikel itu iaitu berkaitan dengan Jabatan Pertanian saya terlebih dahulu ingin menuntut maaf kepada pihak yang berkenaan terutamanya pegawai-pegawai di Jabatan Pertanian mengenai perkara ini. Sebenarnya apa yang dinyatakan dalam artikel itu bukanlah apa yang saya buat sendiri tetapi itu adalah apa yang telah diberitahu oleh beberapa orang penduduk di kampung ini kepada saya. Tujuan asal saya menghantar berita dan gambar-gambar itu ialah semata-mata untuk memberi orang ramai makloman terutama kaum peladang bahawa salah satu cara berkesan untuk menghapuskan babi-babi hutan ialah dengan cara menahan jerat iaitu seperti mana yang telah dibuat oleh penduduk-penduduk di kampung saya. Sekali lagi saya jelaskan bahawa tujuan saya menghantar berita itu bukanlah untuk merendahkan perkhidmatan sebarang pihak atau Jabatan Kerajaan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS

PENDIDIKAN DALAM ISLAM

SIRI KE 168

ADAB GURU



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, D.K., PSSUB., DSLJ., SMB., PHBS., PIS., Azhar dan U. Chairu, Mufti.

TELAH sabit dalam sahih Al Bukhari daripada Sahabat Abu Hurairah (Radhiallahu 'anhu) daripada Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassalam) yang artinya: "Bahawa Allah Taala Azza Wajalla telah berfirman: "Barangsiapa menyakiti seorang Wali Aku, Aku

akan memasyorkan peperangan ke atasnya." (Barangsiapa diperangi Allah nescaya dia binasa)."

Al Imam Al Khatib Al Baghdadi telah meriwayatkan daripada Al Imam Ash Shafi'e dan Al Imam Abu Hanifah (Radhiallahu 'anhuma) yang kedua-duanya berkata: "Kiranya tiada Ulamak Fiqeh itu Wali-Wali Allah, maka tiadalah ada Wali bagi Allah, berkata Al Imam Ash Shafi'e arti Ulamak Fiqeh itu ialah Ulamak yang beramal dengan ilmunya (bukan Ulamak-ulamak Su'u)."

Berkata sahabat Ibnu Abbas (Radhiallahu 'anhuma): "Barangsiapa telah menyakiti Ulamak Fiqeh, maka ia telah menyakiti Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassalam), dan barangsiapa telah menyakiti Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassalam), maka sesungguhnya ia telah menyakiti Allah Azza Wajalla."

Al Imam Al Hafidz Abu Kasim Ibnu

'Asakir (Rahimahullahu Taala) mengatakan: "Ketahuilah olehmu hai saudaraku, bahawa daging Ulamak itu adalah beracun, bisanya telah maklum dan telah diketahui bahawa Allah akan mencari (membuka) tembelang orang-orang yang merendah-rendahkan Ulamak itu, barangsiapa melepaskan lisannya ke atas Ulamak dengan membuka 'aib Ulamak, nescaya Allah Taala turunkan bala ke atasnya sebelum matinya dengan mati hatinya."

Firman Allah dalam Surah An-Nur Ayat 63 yang tafsirnya: "Hendaklah ingat mereka yang menyalahi perintah Allah dan perintah RasulNya (Sallallahu 'Alaihi Wassalam) akan kena ke atas mereka suatu fitnah dan bala atau kena ke atas mereka suatu azab dan siksa yang amat pedih."

Begitu juga guru itu perlu menyebutkan kaedah-kaedah mazhab Al Imam Ash Shafi'e yang tiada berubah pada

ghalibnya sedikit demi sedikit kepada penuntut dan pelajar itu supaya mereka dapat menghafazkan kaedah itu dan menggunakannya.

Apabila timbul masalah yang pelik dan yang halus, atau masalah-masalah yang kerap menjadi soalan orang maka ia ingatkan kepada penuntut dan mahasiswa kedudukan perkara itu.

Hendaklah ajarannya itu secara sedikit demi sedikit, supaya lama-lama menjadi suatu kumpulan masalah yang banyak yang akan diketahui oleh penuntut dan pelajar itu.

WALLAHU A'ALAM
(Bersambung).



"BAHAWASANYA aku naik saksi tiada yang berhak disembah sebenar-benarnya melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah . . ." Antara lain ikrar yang dilafazkan oleh Awang Bokhari bin Abdullah (No. 2 dari kanan).

Sekeluarga tujuh orang Iban memeluk Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu keluarga Iban seramai 7 orang berasal dari Sarawak telah memeluk ugama Islam di satu majlis yang berlangsung di rumah Pengarah Haji Othman bin Abd. Kadir, Ketua Kampung Burong Pingai Ayer di sini pada malam Khamis lepas.

Buie anak Magoi yang mengetuai keluarga tersebut kini dikenali sebagai Bokhari bin Abdullah, manakala isterinya Jerami anak Enting kini dikenali sebagai Siti Zubaidah bte Abdullah. Sementara anak lelaki mereka Jenal anak Buie, 26 tahun, kini dikenali sebagai Zainal Abidin bin Bokhari, isterinya Mereka anak Jimi, 24 tahun, kini dikenali sebagai Siti Fatimah bte Abdullah. Manakala tiga orang

cucu mereka kini masing-masing dikenali sebagai Harun bin Zainal Abidin, Rodziah bte Zainal Abidin dan Maziah bte Zainal Abidin.

Saudara-saudara baru Islam itu melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin seorang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Majlis pada malam itu telah diserikan dengan zikir marhaban dan diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Awang Haji Tahir, Imam Masjid Pehin Datu Imam Abdul Mo'ti, Kampung Burong Pingai Ayer.

Turut hadir di majlis itu termasuklah Pengarah Penerangan Awang Haji Ba-

daruddin bin Pengarah Hj Othman dan beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama serta penduduk-penduduk kampung.



SAMBUTAN MAULUD DI P.T.E.

GADONG. — Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. masih terus diraikan di beberapa tempat di negeri ini. Antaranya telah diadakan di Dewan Pusat Tingkatan Enam di sini pagi Khamis, 20hb. Janu-

ari lalu.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh salah seorang penuntut pusat tersebut, Awangku Haris bin Pengiran Salleh, dan diikuti kemudiannya dengan

ucapan alu-aluan dari Pengerusi Pusat, Awang Omar bin Haji Khalil yang juga selaku pengerusi sambutan.

Dalam ucapannya beliau telah menyentuh mengenai peranan setiap individu khususnya mereka yang masih berkecimpung dalam lapangan pelajaran bagi menentukan nasib negara di masa hadapan. Beliau menegaskan hanya dengan pengetahuan, sajak kemakmuran ekonomi negeri akan terjamin kukuh serta dapat memenuhi harapan pencapaian yang diinginkan.

Awang Omar juga telah menggesa agar golongan penuntut hari ini memainkan peranan yang penting pada membekalkan diri dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya. Katanya, untuk mencapai matlamat ini, semua disiplin dan sistem pembelajaran hendaklah diperkukuhkan.

Pada pensyarah-pensyarah pula beliau berharap agar sentiasa mengukuhkan hubungan erat antara mereka pada menjayakan perkara berkecimpung dalam meningkatkan kemajuan dalam bidang pembelajaran ke tahap yang dimahsyurkan.

Acara kemuncak pada hari itu ialah Syarahan Maulud oleh Saiyid Moksin Alkaf. Sambutan ini juga diserikan dengan persembahan-persembahan nasyid, mendeklamasikan sajak, berzan dan persembahan Zikir Marhaban.



SAIYID Mokhsin menyampaikan syarahan khas semestara gambar bawah sebahagian dari penuntut PTE yang hadir di majlis tersebut.

**Bingkisan
minggu
ini**

JUDI: Elakkan sebelum ketagih

JUDI adalah suatu perbuatan yang mempunyai daya ketagih yang kuat. Jika dadah memberikan ketagih kepada sel-sel fizikal, judi pula memberi ketagihan kepada mental dan saraf.

Dalam Islam, judi dikategorikan sebagai perbuatan yang bersifat kesyaitanan atau disebut 'dari kerja-kerja syaitan'. Dosa dan keburukannya sama dengan meminum arak dan pemujaan berhala. Ini jelas diterangkan oleh Allah s.w.t. dalam Al-Quran Surah Al-Maidah ayat 90 yang kira-kira bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhi-nya supaya kamu berjaya."

Di dalam maksud firman Allah tadi, Allah s.w.t. ada menyebutkan bahawa perbuatan judi itu kotor dan keji dari amalan syaitan. Sayugia dimaklumi bahawa syaitan itu adalah musuh yang amat nyata, lantaran itulah kita jangan ikut-ikutan akan perbuatan-perbuatan syaitan, sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud untuk menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara sesama manusia, salah satu jalan untuk mencapai maksud ke arah itu ialah dengan sebab arak dan judi, lantas dengan itu akan melalaikan manusia dari mengingat Allah s.w.t.

MENGHILANGKAN AKAL

Allah s.w.t. seringkali menyebutkan perbuatan berjudi ini bersama dengan meminum arak. Ini kerana kedua-duanya boleh menghilangkan akal pertimbangan yang waras, dan kedua-duanya mempunyai daya ketagih yang amat tinggi. Masyarakat yang tidak mementingkan keluhuran jiwa selalunya kuat berjudi dan

meminum arak; kerja-kerja seumpama ini selalunya menjadi asam garam kehidupan mereka. Dalam masyarakat yang menuju kepada ketinggian nilai normal, keluhuran mental dan kekuatan disiplin perbuatan-perbuatan kearah maksud perjudian mesti dihapuskan. Orang-orang yang berjudi sebenarnya orang yang malas dan terlalu mementingkan hawa nafsu, kerana beranggapan dengan berjudi mereka boleh menjadi kaya secara serta merta, tetapi sebaliknya kerana judi mereka boleh menjadi papa kedana dengan menggadaikan harta benda dan rumah tangga dan setengahnya anak isterinya menjadi tebusan kekalannya.

Cuba kita perhatikan melalui akhbar-akhbar mahu pun yang kita dengar dengan telinga atau kita pandang dengan mata bahawa dalam kes-kes besar yang melibatkan keruntuhan rumahtangga atau kehilangan kerja (kerana cuai atau bengkrap) judilah antaranya yang menjadi penyebab terjadinya kepincangan tersebut. Penjudi-pejudi akan sedar ketelanjangan mereka, setelah nasi menjadi bubur, setelah mereka dipenjarakan kerana melakukan rompakan atau mencuri bagi mendapatkan wang untuk berjudi. Pangakuan banyak diperolehi bahawa seseorang penjudi sukar di pulihkan dari kerja berjudi kerana telah dijerat oleh ketagihan.

JANGAN HAMPIRI

Oleh kerana itulah suatu langkah yang perlu diambil perhatian ialah dengan mendidik anak-anak atau diri kita sendiri supaya jangan menghampiri tempat-tempat yang menyerupai apa jua bentuk-bentuk yang melambangkan perbuatan-perbuatan judi. Ini jangan sekali-kali didekati kerana jelas kepada kita bahawa perbuatan yang buruk memang senang

ditarik oleh nafsu untuk melakukannya. Sekali nafsu syaitan berjaya menarik kita kearahnya dan kita memulakan perbuatan buruk dan jahat itu, maka kita akan senang mengulanginya; dan seterusnya kita akan ketagihan dengan perbuatan tersebut.

Memang benar apa yang difirmankan oleh Allah bahawa judi dan lain-lain

kemungkaran itu, adalah dari pekerjaan syaitan, kerana itu kita wajib jauhan diri darinya. Sekali kita menghampirinya, maka syaitan mungkin akan berjaya menarik kita mencubanya; dan sekali kita mencubanya, kita akan senang mengulanginya dan dari situ kita akan terus menjadi penagih judi yang rosak binasa. Barang di jauhan Allah darinya.

Gunakanlah peluang yang lima sebelum datang yang lima.....

Marilah kita sama-sama bertakwa kehadiran Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Kita orang-orang Islam sangat-sangat dituntut melakukan amal saleh. Jangan tunggu dan membuang masa sehingga terlepas peluang dan kesempatan. Dengan berlengah-lengah dan bertangguh-tangguh itu bermakna kita menambah kerugian, kerana masa itu adalah emas. Menunjukkan masa itu sangat bernilai, sehingga Allah menjadikannya sumpah di dalam Al-asri yang tafsirnya kira-kira: "Demi masa! Manusia itu dalam kerugian, kecuali mereka yang beriman dan beramal saleh serta berpesan-pesan dengan kebenaran dan bersabar. Oleh hal yang demikian segeralah berbuat amal saleh."

Allah berfirman dalam surah Ali-Emran ayat 113, tafsirnya: "Dan ada pun mereka yang bersegera berbuat kebajikan, merekalah orang-orang yang salih."

JIKA TERLANJUR

Apabila dikehendaki seseorang itu bersegera untuk melakukan amal saleh, maka dengan sendirinya juga ia dimaksudkan supaya segera membersihkan diri jika terlanjur melakukan dosa. Caranya ialah segera bertaubat, memohon ampun kepada Allah Taala, sebagaimana firman-Nya dalam surah Ali-Emran ayat 133, tafsirnya: "Dan bersegeralah kamu kepada keampunan daripada Tuhan kamu."

Hal ini bersesuaian pula dengan Hadis Nabi yang bermaksud kira-kira: "Gunakanlah peluang yang lima (jangan bertangguh) sebelum datang yang lima iaitu hidup sebelum mati, sihat sebelum sakit,

masa lapang sebelum sibuk, masa muda sebelum tua, kaya sebelum ditimpa fakir." Hadis itu diriwayatkan oleh Muslim.

AMAL BAIK

Ramai orang yang tidak ingat akan pesanan Nabi pada hal semua orang akan menempuhinya. Orang yang tidak ingat itu akan menjadikan hidup ini sebagai jambatan untuk ianya mencapai dengan sepuas-puas kehendak hatinya, sehingga ia lupa hidup itu pasti berakhir. Jika orang yang ingat, ia pasti menggunakan kesempatan hidup yang pendek ini untuk berbuat amal kebajikan. Kerana amal itu ialah bekal seperti kita dalam pelayaran kalau amal buruk bermakna bekal kita itu buruk, seperti berbekal dengan

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit


WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 26hb Januari, 1983 hingga ke hari Selasa 1hb Februari, 1983 adalah seperti di bawah ini :-

Hari Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
26hb Jan	12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
27hb Jan	12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
28hb Jan	12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
29hb Jan	12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
30hb Jan	12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
31hb Jan	12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
1hb Feb	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri Brunei dimulai dari pukul 12.41 tengahari.

KHUTBAH JUMAAT



KESEMPATAN HIDUP UNTUK BERAMAL

nasi bangas dan ikan yang buntu.

Tetapi sebaliknya jika

amal baik, bermaknalah bekal hidup juga baik, nasi panas-panas dan lauk pauk yang sedap-sedap dengan sambal ulamnya sekali.

"Demi masa! Manusia itu dalam kerugian, kecuali mereka yang beriman dan beramal saleh serta berpesan-pesan dengan kebenaran dan bersabar. Oleh yang demikian segeralah berbuat amal saleh."

Demikianlah perbandingan yang sangat mudah, difahamkan dari suruhan Agama untuk kita mengumpul bekal banyak-banyak bekal yang baik-baik, bukan bekal yang tidak baik. Firman Allah Taala tafsirnya sebaik-baik bekal itu ialah takwa, amal taat atau amal saleh, bukan amal durhaka dan maksiat.

Kita berharap mudah-mudahan umat Islam mengambil faedah dan pengajaran yang berkesan dari apa yang kita terangkan ini, amin ya rabbul alamin.

Sekeluarga memelok Ugama Islam

TUTONG. — Satu keluarga Iban dari Sarawak yang diketuai oleh Awang Kiai anak Simbang telah memeluk ugama Islam baru-baru ini di satu majlis yang berlangsung di rumah Awang Salam bin Abdullah di Kampung Serambangun dekat Pekan Tutong.

Ketua keluarga tersebut kini dikenali sebagai Awang Yusuf bin

Abdullah, sementara isterinya Dayang Duyah anak Simang kini dikenali sebagai Dayang Siti Asinah bte Abdullah. Sementara anak-anaknya masing-masing dikenali sebagai Sufri bin Yusuf dan Dayang Sukarni bte Yusuf.

Keluarga baru Islam itu melafazkan ikrar Islamnya dihadapan Awang Md Yusuf bin

Haji Kamis seorang pegawai dari Pejabat Hal Ehwal Ugama, Tutong.

Majlis malam itu juga telah diserikan dengan zikir marhaban dan diakhiri dengan bacaan doa selamat. Beberapa orang pegawai dari Pejabat Hal Ehwal Ugama Tutong serta saudara mara saudara baru Islam itu turut meraikan majlis tersebut.



HARI MUHIBBAH BELIA DAPAT SAMBUTAN HANGAT

HARI Muhibbah Belia telah diadakan di Pantai Seri Kenangan, Tutong pada hari Ahad 16hb. Januari yang lalu.

Perjumpaan yang julung-julung kalinya di adakan itu telah dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan Daerah Tutong dengan kerjasama Pejabat Daerah Tutong.



Perjumpaan khas untuk belia-belia itu telah mendapat sambutan dari kalangan para belia dan orang ramai.

Di samping diadakan berbagai-bagai acara persembahan yang bercorak kebudayaan, tiap-tiap persatuan juga memamerkan kegiatan-kegiatan yang telah dilaksanakan semenjak ianya ditubuhkan hingga

hari ini.

Gambar paling kiri menunjukkan tetamu kehormat, Pengiran Badaruddin bin Pg. Ghani memerhatikan kegiatan-kegiatan Persatuan Pertama Tanjung Maya sementara gambar kanan pula menunjukkan Pemangku Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Awang Sidek bin Yahya berbual mesra dengan ahli-ahli Persatuan Bola Keranjang Daerah Tutong yang juga turut memamerkan kegiatan-kegiatan mereka. — Gambar-gambar ihsan Haji Ahim bin Haji Ibrahim.

Dua pegawai AMDB dinaikkan pangkat Lt.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan kenaikan pangkat dua orang Leftenan Muda dan Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei ke pangkat Leftenan.

Mereka ialah 181 Lt. Muda Awang Yaakub bin Mohd. Tahir dan Kompeni RHQ dan 18 Lt. Muda Bohari bin Lumba dari Battalion Kedua.

Kenaikan pangkat bagi kedua-dua orang pegawai itu bermula dari 31hb. Oktober, 1982.

Pegawai Pentadbiran hadiri sidang di Bangkok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang Pegawai Pentadbiran dan Jabatan Perkhidmatan Diplomatik kini berada di Bangkok untuk menghadiri Mesyuarat Persediaan Pengarah ASEAN dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap ASEAN.

Mereka ialah Awang Saaji bin Mudin, Awang Suhaini bin Haji Mohd. Hassan dan Awang Ibrahim bin Haji Hassan.

Mereka menghadiri mesyuarat tersebut sebagai pemerhati.

AHLI-AHLI LEMBAGA BANDARAN BSB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah memperkenankan lantikan 12 orang ahli Lembaga Bandaran bagi tahun 1983.

Baginda juga telah berkenan atas lantikan Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad selaku Pengerusi lembaga tersebut.

Ahli-ahli yang dilantik adalah terdiri daripada

Pengarah Kerja Raya atau Timbalannya, Pegawai Kesihatan Kanan, Pesuruhjaya Polis atau wakilnya, Pesuruhjaya Tanah atau Timbalannya, Pengawal Pasukan Bomba atau Timbalannya, Awang Haji Othman bin Sunggoh, Pengiran Dato Sharifuddin bin Pengiran Metali, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Datin Edah binte Haji Md. Noor, Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu dan Pengerusi Dewan Perniagaan China.

Dua orang pegawai Hutan berkursus di KL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menghantar dua orang pegawai dari Pejabat Kehutanan bagi mengikuti kursus Latihan Akademik dan Praktikal Perhutanan di Maktab Perhutanan Kepong, Malaysia selama kira-kira setahun.

Mereka ialah Awg. Salleh bin Ismail dan Awg. Samak bin Shimbibi dan telah berlepas ke Kuala Lumpur pada 15hb. Januari lepas.

Jadual lawatan doktor Udara ke kampung2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bagi kesejahteraan rakyat di negeri ini, Perkhidmatan Perubatan yang menggunakan pesawat helikopter akan meneruskan lagi perkhidmatan di beberapa buah kampung di kawasan kawasan pendalaman di seluruh negeri ini pada bulan Februari depan.

Pada awal Februari perkhidmatan tersebut akan berada di Kampung Benutan di Daerah Tutong, pada 2hb.

Februari mereka akan berada di Kampung Mapol Baru dan Merimbun juga di Daerah Tutong. Sementara pada 7hb. Februari mereka akan berada di Kampung Lopat, Temburong dan pada 8hb. Februari mereka akan berada di Kampung Biang Menengah dan Lamaling, Temburong.

Pada 9hb. Februari perkhidmatan tersebut akan berada di Daerah Tutong iaitu di Kampung Panchong dan pada 15hb. Februari di Kampung Ukong. Pada 16hb. Februari mereka akan berada di Kampung Sukang, Belait, pada 21hb. Februari mereka akan berada di Kampung Belabau, Tutong dan pada 22hb. Februari di Kampung Melilas, Belait.

Akhir sekali perkhidmatan itu akan berada di Kampung Supon Besar pada 23hb. Februari dan di Kampung Long Mayan dan Supon Kechil, Tutong pada 28hb. Februari.

Pertunjukan Sarkas dilanjutkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertunjukan The Great Royal Circus dari India yang kini sedang diadakan di Lapangan Terbang Lama, Berakas akan dilanjutkan sehingga 22hb. Februari depan.

Masa pertunjukan adalah seperti biasa, iaitu mulai jam 7.00 malam pada hari-hari biasa sementara pada hari-hari kelepasan awam ianya akan diadakan dua pertunjukan iaitu jam 2.00 petang dan 7.00 malam.



USAHASAMA KERAJAAN — SHELL UNTUK MAJUKAN RAKYAT



SERIA. — Pengarah Syarikat Minyak Shell Awg. Peter Everett memberi jaminan bahawa Brunei Shell bersamasama dengan Kerajaan sedang berusaha dalam memainkan peranan untuk memajukan rakyat Brunei samada dalam syarikat dan sebagai pemborong-pemborong kepada syarikat.

Beliau menyatakan demikian ketika memberi ucapan di Majlis penyampaian pingat kerja lama kepada kira-kira 130 orang pekerja-pekerja Syarikat Shell Brunei yang diadakan di SRC disini pada hari Rabu lepas.

MATLAMAT K'JAAN

Katanya, sebahagian besar dari beban untuk memastikan matlamat Kerajaan itu akan terlaksana ialah dengan adanya tanggungjawab kakitangan-kakitangan yang lebih berpengalaman yang akan memberikan

kedua-dua panduan kepada kakitangan-kakitangan yang baru dan pengawasan rapi kepada pemborong-pemborong yang baru.

Disamping itu beliau juga mengingatkan disamping kemajuan pesat, adalah perlu diambil perhatian bahawa syarikat ini juga mempunyai tanggungjawab dalam memastikan segala tugas-tugas dilaksanakan dalam keadaan yang selamat dan cekap.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini menurut Awg. Peter Everett syarikat telah menampakkan kejayaan besar dalam rekod keselamatan Syarikat, yang ditafsirkan sebagai jumlah kemalangan yang menyebabkan kehilangan satu juta jam masa bekerja.

KESELAMATAN

"Ini adalah disebabkan adanya kerjasama diantara

pekerja-pekerja dan pengurus dalam menitik beratkan keselamatan dan bersedia membelanjakan wang untuk mengujudkan keadaan bekerja yang selamat," ujarnya.

Menurutnya lagi, oleh kerana perubahan yang cepat yang menjadi perkara biasa bagi perindustrian minyak, kegiatan Syarikat Minyak Shell banyak dipengaruhi oleh kenaikan-kenaikan harga minyak dan gas yang berlaku sejak tahun 1979 dan 1980.

Tapi walaupun demikian, tambahnya, syarikat juga telah dapat menyaksikan ujudnya bangunan Kompleks Ibu Pejabat baru, kemajuan yang dicapai di projek-projek Champion 7 dan Ampa Fairley Gas dan terlaksananya beberapa projek perumahan.


Selain dari itu Syarikat juga semakin kukuh walaupun perindustrian minyak seluruh dunia sepanjang tahun 1982 menunjukkan tidak setabil, jelas Awg. Peter.

KEUTAMAAN

Awg. Peter juga menjelaskan bahawa dalam beberapa tahun yang akan datang, syarikat akan lebih memberikan keutamaan terhadap kemajuan dan perkembangan rakyat Brunei. Disamping itu syarikat juga tidak melupakan sebilangan pekerja-pekerja yang bukan rakyat Brunei yang bercita-cita untuk berkhidmat lebih lama lagi dengan syarikat itu.

Dan memandangkan terdapatnya peluang

bekerja yang banyak di Syarikat ini disamping sedikitnya jumlah rakyat Brunei yang diambil bekerja, syarikat terpaksa menawarkan banyak peluang-peluang kepada orang-orang luar yang berkemahiran, katanya.



Punai — 1X mulakan penggalian

SERIA. — Pada awal bulan Januari lepas Syarikat Minyak Shell telah memulakan penggalian ke atas telaga eksplorasi yang pertama tahun ini, iaitu Punai — 1X yang terletak lima batu ke timur Padang Fairley Block 4.

Penggalian itu dilakukan dengan menggunakan Rig separuh tenggelam Sedco Echo di kedalaman air 196 kaki.

Pada 11hb. Januari lalu

telaga itu telah mencapai kedalaman 5,478 kaki dan di masa akan datang telaga itu akan digali dari 5,700 kaki hingga ke jumlah dalam 10,500 kaki.

Sementara itu, telaga eksplorasi Ampa East — 1X yang telah digali pada 8hb. Disember tahun lepas telah ditutup semula dan ditinggalkan pada 27hb. Disember, 1982 kerana tidak ada hidrokarbon yang penting di dalamnya.

Pemenang Kuiz adakan lawatan ke Singapura

SERIA. — Pasukan yang memenangi peraduan kuiz keselamatan jalanraya yang telah diadakan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya Brunei tahun lepas, iaitu Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam telah kembali ketanah air minggu lepas setelah membuat lawatan empat hari ke Singapura.

Lawatan itu adalah tajaan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad dengan kerjasama Shell Singapura yang juga menjadi tuan rumah kepada pasukan itu selama berada di sana.

Pasukan yang menang itu terdiri dari tiga orang guru dan tiga orang penuntut. Lawatan itu juga disertai bersama oleh tiga orang ahli-ahli Majlis Keselamatan Jalanraya Brunei dan dua orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Syarikat Minyak Shell Brunei.

Setibanya rombongan tersebut di Singapura, mereka telah dialu-alukan oleh kakitangan dari Hal Ehwal Awam, Shell Singapura. Di sana mereka sempat bertemu dengan ahli-ahli dari Majlis Pertama Lembaga Keselamatan Kebangsaan, di samping berpeluang membuat lawatan ke Kilang Penapis Bukom, salah satu kilang penapis yang terbesar dengan keupayaan 460,00 tong sehari.

Di sana mereka juga sempat dibawa melawat ke Taman Keselamatan Jalanraya dan di Pusat Sains Singapura.

Tapak asas digali

SERIA. — Kerja pembinaan bagi sebuah bangunan berasingan di kompleks SRC untuk kegiatan-kegiatan kesenian Melayu telah bermula dengan penggalian untuk tapak asasnya.

Bangunan tersebut akan terletak di hujung selatan bangunan utama kelab yang ada sekarang.

Sementara itu Pusat Sukan telah masuk ke peringkat baru dengan kerja permulaannya mendirikan besi-besi waja bagi atap dewan utama yang mempunyai keluasan seluas 120 kaki kali 110 kaki.


Dewan serbaguna ini akan memberikan kemudahan-kemudahan bagi permainan-permainan bulu tangkis, bola tampar, bola keranjang dan tennis. Di pusat itu juga terdapat bilik gerak badan dan dua gelanggang permainan squash.

Melawat BSP

SERIA. — Satu rombongan guru-guru pelatih Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, Gadong dengan di sertai oleh beberapa orang pensyarah telah melawat Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad baru-baru ini.

Rekod keselamatan

SERIA. — Syarikat Gas Cecair Asli Brunei mencatat satu rekod lagi dalam kelakuan keselamatan. Syarikat tersebut bekerja dengan tidak mendapat kemalangan dalam tahun 1981 dan 1982.



Pelantar Pemampat FACP-4 telah tiba di sini pada minggu lalu. Pelantar bagi projek perkembangan gas untuk Ampa/Fairley/Gannet itu di bina di Limbungan Kejuruteraan Sambawang Singapura. Pembinaan Pelantar seberat 600 tan itu di mulakan dalam bulan Mei tahun lepas dan mengambil masa selama tujuh bulan untuk menyiapkannya.

Gambar atas kelihatan dek pelantar pemampat gas tersebut sedang punggah ke tongkang NJB-3 yang membawa pelantar tersebut ke sini.

Radio minggu ini:

TERIMA KASIH PENULIS2 TANAH AIR

WALAU pun kini bulan Januari di tahun 1983 telah merangkak kian jauh dan semakin mendekati bulan Februari, namun dari bahagian rancangan Radio, merasa belum terlambat lagi untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada penulis-penulis dan yang telah memberikan sumbangan yang besar kepada Penerbitan rancangan radio, yang mana dengan ketiadaannya mungkin akan dapat memutuskan urat nadi penerbit.

Mungkin para penulis sendiri tidak begitu mengetahui atau pun mungkin senjaja inda ingau untuk menghitung berapa buah skrip yang telah pihak Radio siarkan di sepanjang tahun 1982. Hitung panjang, mulai awal tahun 1982 hinggalah ke penghujungnya, Radio telah menyiarkan hampir 350 buah skrip yang disumbangkan oleh penulis-penulis sekalian.



'Bila Bulan Sudah Sabit'
keluaran sulung
Balai Drama

UNTUK halua telinga para peminat drama radio, Bahagian Melayu Radio Brunei akan mulai menyiarkan Balai Drama pada tiap-tiap penghujung bulan Januari ini. Buat keluarannya yang pertama, rancangan ini akan menyiarkan sebuah drama yang berjudul **BILA BULAN SUDAH SABIT** tulisan Masri Haji Akip Brunei.

Penulis mengutarakan tentang pertentangan pendapat di antara seorang anak dengan ayah mengenai penentuan kerjaya. Bagi Pak Hashim, dia akan berbangga jika sekiranya Mokhtar anaknya berjaya meneruskan pelajarannya di bidang akademik dan akhirnya menjadi seorang yang berkedudukan tinggi.

Apa yang sebenarnya dihasratkan oleh Mokhtar ialah untuk meneruskan minatnya sebagai seorang pelukis. Kerana minatnya yang begitu mendalam, dia tergamak meninggalkan rumah ayahnya dan tinggal bersendirian di bandar.

Setelah menetap di bandar Mokhtar telah mencapai apa yang di cita-citkannya. Dia telah berjaya membuat pameran-pameran persendirian

kepada umum. Bermula dari sanalah seorang pemuda yang bernama Ghazali mengenali Mokhtar.

Setelah berusaha, akhirnya Ghazali berjaya menemui Mokhtar. Ghazali memerlukan khidmat Mokhtar untuk melukiskan potret Fauziah, gadis pujaannya. Ini kemudiannya akan dihadiahkan pada Fauziah sendiri.

Apa yang diharapkan oleh Ghazali adalah sebaliknya. Fauziah benar-benar marah bila dia mengetahui gambarnya dijadikan sebagai satu bahan lukisan, walaupun dia akhirnya tahu yang lukisan itu satu-satunya yang di tempah oleh Ghazali. Dia sebenarnya tidak menyintai Ghazali, walaupun ibunya merestui.

Di satu peristiwa yang tiada di duga, Mokhtar dan Fauziah dipertemukan. Masing-masing akhirnya dapat mengenali antara satu sama lain yang semuanya berpunca dari lukisan yang pernah Mokhtar hasilkan itu.

Apakah reaksi Fauziah setelah menemui Mokhtar pencipta lukisan yang dulu di bencinya? Bagaimana pula halnya dengan Ghazali dan ayah Mokhtar yang ditinggalkan di kampung? Untuk mengetahui lanjutan dan akhir kisah menarik ini, ikutlah Balai Drama selama 45 minit pada hari Ahad ini 30hb Januari, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Abdullah Awg. Damit.

Dalam keadaan negara kita yang sedang pesat membangun dan berada di ambang kemerdekaan, rancangan-rancangan radio yang tertentu juga telah berubah corak. Seperti, kami telah menyiarkan rancangan yang berbentuk pembangunan dan disiarkan secara berdrاما dalam rancangan mingguan Lukisan Masyarakat. Skrip-skrip sumbangan penulis yang lainnya meliputi juga skrip Sandiwara Radio, Cerita Pendek, Purbawara, Citrairama dan lain-lain.


Begitu banyak skrip yang diterima, begitulah juga harapan pihak Radio untuk mendapatkan skrip yang bermutu tinggi. Kalaulah boleh, biarlah kualiti mengatasi kuantiti. Sebenarnya, pihak radio khususnya dan pendengar pada umumnya telah lama mengharapkan perubahan ini, seperti juga perubahan yang mengambil tempat di negara kita sekarang ini. Masalahnya, apakah pihak penulis sanggup menerima perubahan ini?

Bilangan skrip-skrip yang diterima dalam tahun 1982 memanglah besar. Setelah penelitian dan penyemakan ke atas skrip-skrip itu dilakukan, bolehlah dibuat ceraihan seperti berikut: (Ceraian ini didapati masih sama dengan catitan sejak tahun 1969).

1. 80 peratus bercorak cinta muda-mudi.
2. 10 peratus bercorak kritikal, melepaskan geram dan kebencian.
3. 10 peratus bercorak kisah masyarakat sehari-hari.

Pendek kata, skrip yang sesuai untuk dikedudukan bukan saja skrip yang baik teknik tulisannya atau bahasanya yang indah-indah, tapi yang penting ialah kandungannya. Kandungan yang diharapkan akan dapat membawa arti atau kesan kepada pendengar-pendengar, yang akan menjadi guru atau pendidik kepada yang memerlukannya. Dan apa yang paling penting ialah jangan menulis sekadar melepaskan ragam perasaan yang dihadapi.

Untuk penutup kalam Radio Minggu Ini, kami sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada mereka yang telah serba-sedikit memenuhi hasrat penyiaran yang sebenar. Sumbangan-sumbangan seperti inilah yang menjadi tenaga penggerak yang tanpanya radio akan menghadapi ketandusan rancangan.



RANCANGAN Senandung Pujaa Lama telah dua keluaran menemui kita. Masing-masing penyanyi undangan yang menyampaikan lagu-lagu pilihan pujaan 50an dan 60an meninggalkan kesan pada peminat lagu-lagu lama. Kalau minggu lepas kita bersama dengan dendangan A. T. Zulkifli, Asiah Begawan Khatib Haji Siraj dan Hamid Metussin membawakan lagu-lagu top hit 60an dari A. Halim, Rafiah Buang dan R. Ismail.

Pada keluaran keempat minggu ini pula, Senandung Pujaa Lama mengundang Mohammad Metussin, Norsiah A. Hamid dan Amidun Md Yassin. Awda nak tahu apakah lagu yang akan diketengahkan kembali? Sama-samalah kita nantikan hari Ahad ini 30hb Januari 1983 jam 4.00 petang. Kalau pun awda tidak berkesempatan, ikuti pula hari Rabu 2hb Februari 1983 jam 1.30 petang. Senandung Pujaa Lama percaya lagu-lagunya pasti dapat menghibur awda!

Di dalam gambar, Mohammad Metussin di masa muda-muda dahulu di dalam tahun 60an. Tentu ada di antara awda yang masih lagi "berputing" pada tahun itu.

Rancangan TVP — dari 31hb. Januari hingga 6hb. Februari 1983

ISNIN — 31HB JANUARI

PAGI

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 3 (My Friend)

Dalam rancangan ini Izat mengajar Jay Jay arti perkataan-perkataan 'Our Box' dan 'Friend'. Di Magic Pool mereka nampak perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf 'C'. Bila Izat dan Jay Jay balik ke Our Place Gani sedang menunggu mereka untuk menyanyi lagu 'Chocolate, Candy and Cake'.

9.20 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Akar)

Tumbuhan ialah benda hidup yang mempunyai bahagian-bahagiannya yang tertentu. Akar adalah salah satu bahagian yang sangat penting kepada tumbuhan kerana tugasnya menyerap air yang mengandungi zat-zat makanan dan menegakkan dirian pokok. Selain dari itu ada dua sistem akar yang terdapat pada tumbuhan: —

1. Akar tunjang
2. Akar serabut

Tumbuhan juga mempunyai berjenis-jenis akar untuk mengetahui, apakah jenis-jenis akar tumbuhan, jangan lupa mengikut siaran rancangan ini.

10.30 KAP KAP UDANG 795.

Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, MINUM, KATA SI MANIS, BELUN SI MANIS dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 795.

SELASA — 1HB FEBRUARI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 3 (My Friend)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Akar)

10.30 KAP KAP UDANG 794.

Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, SI MANIS, MINUM, MAIN BAKUL, AMINAH, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 794.

RABU — 2HB JANUARI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK,

LISTEN AND SPEAK 3 (My Friend)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Akar)

10.30 KAP KAP UDANG 795. Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BOLA TUMBUK, TUNJUK BENDA, MINUM, PETI SURAT, YANG MANA GANJIL dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 795.

KHAMIS — 3HB FEBRUARI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 796.

Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERSEMAN, MAIN KIM, MINUM, MAIN BAKUL, HALAMAN MENYANYI, dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 796.

JUMAAT — 4HB FEBRUARI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG

Rancangan ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, MINUM, MAIN BAKUL, SIRI PERMULAAN dan CERMIN SAKTI.

SABTU — 5HB FEBRUARI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 797.

Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN KERUSI, AMINAH, MINUM, KETUA KESELAMATAN BERCERITA dan CERMIN SAKTI.

Tajuk cerita Cikgu Rokiah hari ini ialah SI KURAI DAN SI BENTIK.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 797.

AHAD — 6HB FEBRUARI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG

Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERSEMAN, KERJA TANGAN, SI MANIS, MINUM, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CERMIN SAKTI.



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar kini memasuki siri kelima di mana awda akan bersama peserta-peserta iaitu Dg. Hajjah Hamidah bte Hj. Md. Yusof dari Kampung Kianggeh Bandar Seri Begawan Brunei. Kepada awda yang meminati rancangan ini sila ikuti siarannya pada hari Isnin 31hb. Januari, 1983 jam 1.30 petang.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 26hb Januari, 1983.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PEHAK Radio Talivisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

HARI RABU 26HB JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GREAT SPACE COASTER
5.30 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.30 321 CONTACT (Siri baru)
6.36 AZAN MAGHRIB
6.46 321 CONTACT — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 JULIET BRAVO (Siri baru)
"Shotgun"
Satu siri drama baru mengenai tugas-tugas polis di Britain. Inspektor Polis Wanita Jean Darblay menghadapi problem apabila seorang ayah membawa dan mengacu pistolnya ke anak perempuannya.

- 7.47 AZAN ISHA
7.52 JULIET BRAVO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 PRIVATE BENJAMIN :
"Give Me Liberty" Pt. 1.
Pvt. Benjamin dan yunitnya bersetuju untuk "ponteng".

- 9.35 MAGNUM : "Texas Lighting"
Seorang pejudi wanita mengupah Magnum untuk menemaninya ke satu pejudian poker diadakan dalam sebuah yacht. Setelah dicampakkan ke sebuah pulau, TC terpaksa menyelamatkan mereka dengan segala kepintaran memandu helikopternya.

- 10.25 TAYANGAN GAMBAR :
"The Killing At Outpost Zeta"
(Suspens)
Siapa dan apakah yang bertanggungjawab atas kehilangan dua kumpulan ekspedisi Amerika di pengkalan Zeta? Kapal-kapal penyelamat dengan membawa pasukan sukarelawan telah dihantar untuk menyelamat, atau mencari maut!

- Pelakon pelakon : Gordon Devol, Hackie Ray, James A. Watson, dan lain-lain.

- 11.55 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 27HB JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLINTSTONE FROLICS
6.30 WORLD OF SURVIVAL :
"The Windhover"
Memaparkan tabiat kehidupan burung Kestrel (sejenis burung helang).

- 6.36 AZAN MAGHRIB
6.46 WORLD OF SURVIVAL :

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 PETROCELLI :
"Six Strings of Guilt"
Peter Ritter, kawan karib Petrocelli di-



STEPHANIE Turner sebagai Inspector Jean Darblay dalam siri baru JULIET BRAVO — mulai 7.20 malam ini.

tuduh membunuh lelaki bekas temanitanya. Walaupun Peter hendak mengaku salah, Petrocelli tidak mahu perkara ini dijadikan "hopeless". Akhirnya penyiasatan dapat pula membongkar satu kumpulan penyeledupan yang mempunyai kaitan dengan mangsa pembunuhan itu.

- 7.47 AZAN ISHA
7.52 PETROCELLI — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 ROAD TO WEMBLEY
9.35 ROAD TO WEMBLEY :
Manchester United lwn Westham
10.35 BOSOM BUDDIES :
"The Slightly Illustrated Man"
Sebagai menandakan cinta mereka yang mendalam masing-masing terhadap Sonny dan Henry, maka Kip dan Amy pun membuat "kironng" (tattoo) pada badan mereka.

- 11.05 BELLAMY
11.55 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 28HB JANUARI

TENGAHARI

- 12.00 LAGU KEBANGSAAN
12.02 QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH
12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
(Siaran langsung)
1.30 APANYA KITANI

PETANG

- 2.15 HAPPY GO ROUND
3.00 HEATHCLIFF AND DINGBAT
(Episod terakhir)
3.30 WILD LIFE ON ONE :
"Shipwreck"
3.59 AZAN ASAR
4.04 THESE ARE THE DAYS
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 ELECTRIC COMPANY
5.20 MANAGEMENT
5.35 LAVERNE AND SHIRLEY :
"Meanie Genie"
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 SECRET VALLEY : "I Spy"
6.36 AZAN MAGHRIB
6.46 SECRET VALLEY :
sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 EIGHT IS ENOUGH :
"The Idolbreaker" Pt. 1
Kugiran Tommy dan kawan-kawannya dapat kesempatan untuk mengiringi seorang penyanyi termashur yang membuat persembahannya di beberapa tempat.
7.47 AZAN ISHA
7.52 EIGHT IS ENOUGH — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 IRAMA DAKWAH
9.05 KNOTS LANDING :
"Acts Of Love"
9.55 TERRY AND JUNE
10.25 ON THE MAT
(Episod terakhir)
10.55 STRIKE FORCE :
"Lonely Ladies"
12.25 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 29HB JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE FANTASTIC FOUR
6.30 WORLD OF BIRDS :
"Flight For Survival"
6.36 AZAN MAGHRIB
6.46 WORLD OF BIRDS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BARBERA MANDRELL AND MANDRELL SISTERS
7.47 AZAN ISHA
7.52 BARBERA MANDRELL AND MANDRELL SISTERS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK
9.35 TAYANGAN FILEM INDONESIA :
"Raja Lenong"



SATU lagi siri baru RUSH — bermula Ahad depan kira-kira jam 10.25 malam. Gambar menunjukkan John Waters berlakon sebagai Rober McKellar.

- 10.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR :
"Woman Of The Year"
(Komidi/Drama)
Seorang penulis berita sukan dan pemberita surat khabar selalu bertelingkah dalam ruangan-ruangan masing-masing. Apabila pengurus pengarang menemukan mereka berdua, romans dan perkahwinan kilat pula menyusul memulakan kehidupan yang agak lucu, dan bagaimana kesudahannya?
Pelakon-pelakon : Joseph Bologna, Renee Taylor, Dick O'Neill, Anthony Holland, dan lain-lain.

- 12.35 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 30HB JANUARI

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.02 QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 KIMBA THE WHITE LION
"Silver Tail The Renegade"
2.45 THE NEW POPEYE SHOW
3.10 BIG LEAGUE SOCCER
3.59 AZAN ASAR
4.03 BIG LEAGUE SOCCER — sambongan
4.05 PLASTIC MAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 MEDICAL REPORT
5.15 ON SAFARI
5.45 TARGET THE IMPOSSIBLE :
"To Find Life On Other Planet"
Mereka kehidupan di planet-planet lain. Benarkah Martians menunggu-nunggu kan ketibaan kitani?
6.00 BERITA AWAL
6.05 FONZ AND THE HAPPY DAYS
GANG (Siri baru).
6.30 ANGIE : "Harvey's Mother"
Ibu seorang pesakit yang cantik "membuat ulah" terhadap Brad menjadikan Angie cemburu.
6.36 AZAN MAGHRIB
6.46 ANGIE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE LOVE BOAT
7.47 AZAN ISHA
7.52 THE LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 APANYA KITANI
9.25 MIND YOUR LANGUAGE
9.55 TAIWAN DOCUMENTARY :
"Lunar New Year In Taipei"
10.25 RUSH (Siri baru)
"Welcome Back Sgt. McKellar"
Drama sejarah dari kisah mengenai lombong-lombong emas Australia dalam tahun 60an kurun ke 19.
11.15 DARK ROOM (Siri baru)
12.05 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 31HB JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN

- 4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BALDMONEY, SNEEZEWOOT, DODDER AND CLODBERRY :
5.15 SUPERFRIENDS :
"Balloon People"
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.36 AZAN MAGHRIB
6.46 THAT'S INCREDIBLE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE POWERS OF MATTHEW STAR
7.47 AZAN ISHA
7.52 THE POWERS OF MATTHEW STAR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 INSIDE THE THIRD REICH
10.05 THE BODY IN QUESTION :
"Perishable Goods"
(Episod terakhir)
10.55 SOAP
11.25 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 1HB FEBRUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 LEGEND OF ROBINHOOD
5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION : "The Old Street Lamp"
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE UNDERSEA WORLD :
(Episod terakhir)
"The Incredible March of The Spiny Loster"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 THE UNDERSEA WORLD — sambongan

MALAM


- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY :
"Child's Play"
7.48 AZAN ISHA
7.53 THAT FALL GUY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN.
9.20 DYNASTY
10.20 TAYANGAN GAMBAR :
"If You Go Down To The Woods Today"
Bolehkan perkara itu terjadi? Bolehkah ianya dielakkan? Patutkah ianya dibiarkan berlaku lagi. Bolehkan ia memulakan perang dunia ketiga? Jawapannya terdapat dalam tayangan gambar malam ini.
11.50 SIARAN TAMAT.



63 ORANG LAGI REKRUT POLIS MENAMATKAN LATIHAN DI P.L.P

YB Pemangku Setiausaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman ketika menyampaikan hadiah penghargaan kepada rekrut lelaki terbaik dalam semua jurusan rekrut 2049 Awang Gayau anak Luang. (atas)

YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, YAM Pemangku Pesuruhjaya Polis, Penolong Pesuruhjaya Polis, beberapa orang pegawai kanan Polis, dan pegawai-pegawai Kerajaan menadah tangan memohon restu ketika doa selamat dibacakan di akhir majlis.



8hb Januari, 1983.



YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan bertanya kepada salah seorang rekrut polis lelaki tentang pengalaman-pengalaman yang diperolehi semasa menjalani latihan selama enam bulan di Pusat Latihan Polis. Beliau diiringi oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis, YAM Pengiran Putera Negara Pg. Omar. (atas)
Rekrut 2027 Dayang Fatimah bte Md. Noor yang merupakan rekrut wanita terbaik dalam semua jurusan sedang menerima hadiah penghargaan dari YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman. (kiri)

matnya latihan satu lagi kum-
krut-rekrut polis Diraja Brunei
tambah lagi anggota pasukan-
amatan untuk mengwujudkan
aman dan tenteram di dalam

Sejurus kemudian Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan dengan diiringi oleh komandan Pusat Latihan Polis telah memeriksa perbarisan rekrut-rekrut polis lelaki dan wanita. Setelah itu beliau menyampaikan ucapannya di majlis tersebut.

erbarisan tamat latihan bagi
ng rekrut-rekrut polis yang ter-
orang rekrut wanita — skuad
orang rekrut lelaki — skuad
adakan di Pusat Latihan Polis,
pada pagi hari Khamis lepas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada rekrut-rekrut terbaik dalam berbagai-bagai jurusan. Rekrut lelaki dan rekrut wanita terbaik dalam semua jurusan di sandang oleh rekrut 2049 Gayau anak Luang dan rekrut 2027 Fatimah bte Mohd. Noor. Sementara rekrut-rekrut terbaik dalam undang-undang dan pekerjaan polis ialah rekrut 2047 Ramli bin Pawi dan rekrut 2005 Dk. Tiawa bte Pg. Salleh.

ormat diupacara tersebut ialah
at Pemangku Setiausaha Kera-
rang Kaya Setia Pahlawan Dato
ang Abd. Rahman bin Dato
d. Taib. Ketibaan beliau pada
alu-alukan oleh Pemangku
Polis, Yang Amat Mulia
ra Negara Pg. Omar bin Dato
Haji Apeng.

Manakala rekrut 2545 Hamdan bin Ibrahim dan rekrut 2004 Latifah bte Lumpoh kedua-duanya terbaik dalam berkawad, rusuhan, latihan senjata dan latihan jasmani. Di akhir majlis doa selamat telah dibacakan

oleh Awang Hj. Jumat bin Hj. Nayan, Imam Masjid Kampung Masin.


Rekrut-rekrut polis tersebut sebelum menamatkan latihan, mereka telah menjalani latihan asas selama enam bulan yang bermula pada 8hb. Ogos tahun lepas. Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ke atas semua aspek latihan rekrut-rekrut lelaki skuad 2/82 dan rekrut-rekrut wanita skuad 1/82 ialah Inspektor Kanan YDM Pehin Dermasakti Haji Abd. Razak bin Abdullah dan Inspektor Othman bin Haji Tahir.

Semasa dalam latihan mereka telah menjalani latihan asas tentang tata kerja kepolisian seperti undang-undang dan tugas-tugas am polis. Latihan-latihan berkawad diberikan bertujuan untuk menanamkan sikap berdisiplin bukan saja semasa dalam latihan tetapi untuk diamalkan setelah tamat latihan nanti.

Sebagai pelajaran tambahan latihan

jasmani juga diajarkan seperti seni memper-tahankan diri, judo, pertolongan cemas, cara-cara menyelamatkan jiwa di saat-saat kecemasan dan bernang. Selain dari itu pelajaran agama juga dititik-beratkan sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk membentuk mereka supaya cintakan agama, negara dan sultan. Beberapa orang pegawai-pegawai kerajaan dari jabatan-jabatan berkenaan juga diundang untuk memberikan ceramah-ceramah kepada rekrut-rekrut tersebut supaya mereka mengetahui tentang perjalanan struktur jabatan-jabatan kerajaan yang sebenarnya.

Pendek kata pada dasarnya semua latihan-latihan asas kepolisian adalah sama dijalani oleh rekrut-rekrut lelaki dan rekrut-rekrut wanita selama enam bulan dalam latihan itu. Pada masa ini seramai kira-kira lebih lima puluh orang rekrut-rekrut baru yang terdiri dari rekrut lelaki dan wanita sedang menjalani latihan di Pusat tersebut.



Rekrut-rekrut polis lelaki dan wanita berdiri tegak dengan menadah tangan tanda bersyukur ketika doa selamat dibacakan di akhir upacara perbarisan tamat latihan pada pagi itu.

YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan, Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman ketika beramah-mesra dengan rekrut-rekrut polis wanita di dewan Pusat Latihan Polis tersebut.

SUKAN PELITA

Kelolaan :
Manaf Rahman

Menjelang kejohanan polo antarabangsa Brunei kali ke 6

Kursus pengadil

PERSATUAN pengadil bolasepak Negeri Brunei akan menganjurkan satu kursus pengadil bolasepak bagi kelas III yang terbuka kepada ahli-ahli persatuan dan kakitangan kerajaan di daerah Brunei dan Muara.

Mereka-mereka yang berminat untuk mengikutinya bolehlah mendapatkan borang pertanyaan dari sekarang dari Setiausaha persatuan tersebut, Awang Ibrahim bin PDIS Awang Haji Johari di Bahagian Latihan Jasmani, Jabatan Pelajaran.

Borang tersebut hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 31hb Januari depan bersama dengan bayaran masuk sebanyak \$5.00

Kursus di jangka bermula pada 6hb Februari depan dan akan berjalan selama kira-kira lima minggu bertempat di Pusat Belia, dan diharapkan hasil dari kursus ini akan dapat menambahkan tenaga pengadil bagi mengendalikan liga-bola bolasepak yang semakin bertambah.

Lawatan Muhibbah

SEROMBONGAN 28 orang pegawai dan kakitangan Badan Kebajikan dan Sukan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah berlepas ke Kota Kinabalu, Sabah pada 20hb lepas dalam rangka lawatan muhibbah selama dua hari dan telah kembali pada 22hb Januari minggu lepas.

Lawatan rombongan itu yang buat pertama kalinya dilaksanakan diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah, Awang Aliakbar bin Abu Bakar yang juga selaku pengerusi badan tersebut.

Semasa berada di sana, rombongan tersebut telah menjadi tetamu kepada Kementerian Kebajikan dan Sukan Sabah serta Persatuan SANYA.

Mereka juga telah berkesempatan mengadakan perlawanan bolasepak dan badminton dengan pasukan-pasukan tuan rumah.

Pasukan DYMM dipertaruhkan mempertahankan kejuaraan

MASIH MANTAP, TANGKAS DAN BERKEUPAYAAN

KEHANGATAN mula dirasakan oleh peminat-peminat polo bila kejohanan polo antarabangsa Brunei kali ke-6 bermula 2hb. Februari depan.

Seperti lazimnya kejohanan jempunan itu akan dibahagikan kepada dua bahagian, gol rendah (low goal) dan gol tinggi (high goal).

Kejohanan low goal akan bermula pada 2hb. Februari bagi penerimaan pendaftaran dan pada tarikh-tarikh 3hb. hingga 5hb. Februari akan di-

jalankan perlawanan-perlawanan bahagian tersebut dan 6hb. pula penyampaian hadiah-hadiah.

Bagi bahagian gol tinggi pula penerimaan pendaftaran akan bermula pada 20hb. Februari dan perlawanan akan berjalan dari 21hb. hingga 26hb. Februari dan penyampaian hadiahnya akan berlangsung pada 27hb. Februari.

Sekali lagi pilihan utama untuk merebut kejuaraan

akan terletak di atas pasukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terutama dalam mempertahankan Piala Sultan yang telah dimahkotai sebanyak empat kali dari lima kejohanan sebelumnya.


Jika ditinjau dari rekod pencapaian, pasukan Baginda ternyata terlalu sukar untuk mana-mana pasukan sekali pun untuk menggugat kemantapan kekuatan pasukan Baginda.

Sejak kejohanan antarabangsa ini diadakan, Pasukan Kebawah DYMM berjaya menjuarainya dan hanya sekali saja iaitu pada tahun 1980 pasukan Baginda tercabar dan gagal untuk mempertahankan 'Piala Sultan' ke tangan Pasukan Calatagan, Filipina.

Memang jika diamati, pasukan Calatagan merupakan satu-satunya pasukan yang benar-benar mampu mencabar ketangkasan pasukan Baginda dan setiap kali bertemu berpeluh badan menunggu keputusan.

Selain Calatagan, Pasukan Diraja Pahang juga berkeupayaan memperlihatkan kelakutan yang menakutkan dan dua pasukan ini menjadi musuh ketat dalam mengesahkan pasukan Baginda Sultan untuk mengutip mata kemenangan.

Pada kejohanan tahun lepas, Pasukan Baginda berjaya memperkenalkan hasrat rakyat dan peminat-peminat agar merebut kembali juara yang direbut oleh Calatagan. Mengkagumkan!



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia yang sekali lagi akan mengetuai pasukan Baginda mempertahankan kejuaraan.

Pasukan Baginda dalam kejohanan itu bukan saja berjaya merebut semula kejuaraan malah tidak pernah tewas dalam mana-mana perlawanan.

Seterusnya berjaya mempertahankan Piala Terbuka Antarabangsa Brunei, Piala Shell, Piala Calatagan, Piala Chartered Bank dan Piala City Bank. Satu pencapaian yang sukar dilupakan dan akan menjadi pendorong untuk mengulangi kejayaan tersebut di kejohanan kali ini.

Pasukan Kebawah DYMM kali ini tetap mantap dan tangkas dan di samping kepintaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia peminat-peminat polo juga sekali lagi akan berkesempatan menyaksikan kelakutan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal, Pengiran Muda Jefri Bolikiah.

Bersama doa dan restu rakyat, mudah-mudahan Pasukan Baginda menjuarai lagi mahkota kejohanan terbilang ini.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolikiah, pemain yang digalati dan dikagumi ketangkasannya.



INILAH piala-piala pusingan yang bakal menjadi rebutan untuk kejuaraan sepak takraw bagi penduduk-penduduk di Kampong Ayer.

Piala-piala ini adalah atas sumbangan ihsan dari seorang pemborong tempatan, Awang Haji Kialali bin Haji Abd. Rahman.



SOROTAN.....Salah satu perlawanan polo dalam bahagian gol tinggi di kejohanan tahun lepas.

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI :

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria
7.05 Panduan Sukan
8.15 Intisari Rancangan

TENGAHARI

12.00-12.45 Sajian Tengahari (Mempersembahkan lagu stereo)
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis)

PETANG

6.00 Siri Mukaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib.

MALAM

10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Do'a Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan

WARTA BERITA :

6.45 pagi (Berita2 dalam dan luar negeri)
10.00 pagi
12.45 tengahari
1.30 tengahari (tiap-tiap hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban)
9.30 malam Berita Dunia dari BBC London.

Menyiarkan AZAN:

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

HARI RABU 26HB JANUARI

PAGI: 7.15 — Sudut Pelita, 7.50 — Hikmat Radio, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang Bob Tut-poly.

T/HARI: 12.20 — Mutiara Titah, 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Kelana Indera siri ke-5), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Brunei Dalam Sejarah, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman (SU), 9.45 — Senandung Budaya, 10.00 — Senandung Malam.

HARI KHAMIS 27HB JANUARI

PAGI: 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adek-adek (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

T/HARI: 12.15 — Mutiara Titah, 1.30 — Puspasari/Keroncong.

PETANG: 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama/Soal Jawab Ugama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.45 — Senandung Budaya, 5.45 — Brunei Dalam Sejarah, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagi Asli.

HARI JUMAAT 28HB JANUARI

PAGI: 7.30 — Hikmat Radio, 7.50 — Future Event, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

T/HARI: 12.00 — Lagu-Lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-Lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-Lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Pusparama, 3.15 — Panduan Sukan, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dailog Semasa (SU), 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Kutbah Jumaat, 5.15 — Senandung Lagu-Lagu Lama, 5.45 — Brunei Dalam Sejarah, 6.15 — Bingkisan Hari Ini (SU).
MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Ugama/Majalah Ugama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

HARI SABTU 29HB JANUARI

PAGI: 8.30 — Pelajaran Demasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampai Sari, 11.30 — Hiburan Untuk Adek-adek.

T/HARI: 12.15 — Mutiara Titah, 1.30 — Lagu-Lagu Dari Filem 1.45 — Dailog Semasa, PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.15 — Selingan, 4.30 — Mutiara Asli, 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Brunei Dalam Sejarah, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.45 — Usaha Jaya.

HARI AHAD 30HB JANUARI

PAGI: 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Kugiran Tanah Air, 11.30 — Berbalas Pantun.

T/HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Hari Minggu, PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30 — Majalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan Lama, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Parajurit, 9.00 — Keroncong/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang (Permintaan Lagu-Lagu Lama).

HARI ISNIN 31HB JANUARI

PAGI: 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Dengan Ku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

T/HARI: Mutiara Titah, 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.
PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Titian Budaya (SU), 4.15 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani, 4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — Belia Mewakili Zamannya,

5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama (SU), 6.15 — Bingkisan Hari Ini.
MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Sains Dan Perusahaan, 9.00 — Lagu-Lagu Keroncong, 9.45 — Ku Tujukan Lagu.

HARI SELASA 1HB FEBRUARI

PAGI: 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Rampaian London, 10.45 — Lagu-lagu Permintaan Kaum Wanita, 11.15 — Dari Lambaran Awda, 11.30 — Senandung Seloka.

T/HARI: 12.15 — Mutiara Titah, 1.30 — Senandung Pujaan Lama (SU).

PETANG: 2.00 — Ku Sampaikan Salam, 4.00 — Gema Keroncong/Pusparama, 4.30 — Seni Dan Sastera, 5.00 — Varia Peristiwa, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Brunei Dalam Sejarah, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Ruangan Ketani (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Kugiran Tanahair (SU), 9.45 — Senandung Malam.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.
8.00-9.30 Classical music night
With Rory Higgins

Thursday

P.M.
8.00 Hello Tomorrow
8.45 Stereo Pop Special: "The Tubes" — Side 1
9.30 Country Club — 25.

Fridays/Holidays

A.M.
11.00 A Feature: Technical Education in Brunei produced by Ideris Ali.
11.30 Children's half hour
NOON
12.00 Yesterday Once More
P.M.
12.45 Neil Richardson Presents — 4/12.
1.45 Book Club: Turtle Diary by Russell Hoban — 9/10.

P.M.
8.00 The World of Books.
8.45 International Money Programme.
9.00 Perspective
9.30 Jim Reeves and His Music 3/7 (Side 2 of 2)

Saturday

P.M.
8.00 Melody Time.
8.45 Animal, Vegetable or Mineral — 22/30.
9.30 Top of The Pops — 947

Sunday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 This Is My Song.
11.45 London This Week
NOON
12.00 Animal, Vegetable or Mineral 22 (repeat).
P.M.
12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Tops — 947. (repeat)
1.30 Close Down.
STUDENT NIGHT
P.M.
8.00 Do You Know . . . ? (Science Made Easy) "Horses"
8.15 Beautiful Music — 9/48.
8.30 English Examined
8.45 BBC Science Magazine
9.30 Drama: The Hornblower Story: 'Lieutenant Hornblower "Hotspur and the Loire"'.
by C.S. Forester adapted for radio by Gielgud — 2/5.

Monday

P.M.
8.00 This Is My Song.
8.45 Up The Belait River Without A Paddle — 81 with guest this week's Christine Brown.
9.30 All That Jazz — 31.

Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT
P.M.
8.00 Just For You
9.30 In Sentimental Mood — 26.

Daily

A.M.
6.32 Quran and It's translation
6.40 Brunei's Am
7.00 BBC and Local News
7.15 Brunei's A.M.
11.00 Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays
12.00 Lunch Break — except Fridays and Sundays
12.30 News and weather report — and tide table and Today In History of Brunei.
P.M.
8.30 Radio Newsreel (except Sundays)
9.15 News

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Di dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Brunei.

1. PEMBANTU LETRIK: (di-Jabatan Laut)

D. 3-4 EB. 5 — \$720 - 1290 sebulan.

a) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Sijil Pelajaran Peringkat Biasa lulus di dalam mata-mata pelajaran Ilmu Hisab, Fizik dan dalam bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, atau kelulusan yang sebanding dengannya.

b) Pemohon-pemohon mestilah lulus Peperiksaan City and Guilds peringkat Intermediate dibidang Pemasangan Letrik.

c) Pemohon-pemohon mestilah pernah menjalani latihan perantis letrik yang diakui dan mempunyai pengalaman sebagai Pembantu Teknikal Elektrikal, atau jawatan yang sebanding.

d) Pengalaman yang bersangkut paut dengan kerja-kerja laut/perkapalan merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas:
Menyelenggara, memelihara dan membaiki peralatan utama dan tambahan pengeluar kuasa letrik yang dipasang di kapal-kapal dan lancaran-lancaran kepunyaan Jabatan Laut. Menyediakan indent bagi barang-barang simpanan kuasa letrik dan membaiki-perkakas kuasa tenaga letrik dan pemasangan kawat-kawat letrik.

2. TUKANG KAYU:

(Di Asker Melayu Diraja Brunei)

E. 2-3 EB 4 — \$470-700 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur diantara 18 hingga 45 tahun tahun;

b) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu tidak kurang dari 3 tahun;

c) Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang boleh membaca dan menyedikan pelan-pelan dan taksiran.

3. TUKANG CACAR:

(di Jabatan Perubatan dan Kesihatan)

F. 2-3 EB. 4 — \$390-520 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur diantara 20 hingga 35 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan I Inggeris atau yang sebanding dengannya.

b) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan-kelulusan yang tersebut diatas tetapi mempunyai pengalaman bekerja sebagai Tukang Cungkil boleh juga dipertimbangkan.

